



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

**1. Apakah itu *STPM / STAM Excellence Programme (STEP)*?**

*STPM / STAM Excellence Programme (STEP)* adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar cemerlang yang telah ditawarkan pengajian peringkat **Ijazah Sarjana Muda** secara sepenuh masa dalam bidang yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih di Mesir dan Jordan.

**2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?**

Pinjaman Boleh Ubah (PBU) bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan pengurangan (*conversion*) bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pemohon setelah tamat pengajian tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

**3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon STEP 2023 ?**

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal MARA <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna baharu sebelum mengisi permohonan. Pemohon perlu **membaca dan memahami Garis Panduan Permohonan STEP** yang disediakan sebelum membuat permohonan.

**4. Bilakah permohonan STEP akan dibuka?**

Permohonan akan dibuka mulai **31 Oktober 2023 (Selasa) sehingga 14 November 2023 (Selasa), 11.59 malam (waktu Malaysia)**.



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

5. **Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon STEP?**

Kursus dan syarat kelayakan bagi STEP boleh rujuk dirujuk dalam **Garis Panduan Permohonan STEP** semasa permohonan dibuka.

6. **Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?**

Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

7. **Bolehkah saya memohon STEP sekiranya Ibu/Bapa/Penjaga/Penjamin/Pasangan dan saya dalam senarai hitam MARA?**

Tidak boleh. Ibu, bapa, penjaga, penjamin, pasangan dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA. Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program STEP.

#### **Sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA :-**

Talian Utama MARA / MARA *Call Centre* : 03-2613 2000

Talian *Careline* BAHAGIAN KAWALAN KREDIT MARA (BKK) :

03- 2613 2399 / 2288 / 2286 / 2133 / 2132 / 2131 / 2178 / 2143 / 2147

8. **Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

Permohonan secara manual **TIDAK DIBENARKAN.**



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

- 9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan lengkap sahaja akan dipertimbangkan untuk tawaran STEP.

- 10. Saya merupakan pelajar tahun akhir di salah satu universiti dan tidak menerima mana-mana tajaan/bantuan kewangan. Tempoh pengajian saya berbaki sembilan (9) bulan sahaja. Adakah saya layak memohon program ini?**

Tidak layak. Bagi pelajar sedia ada yang ingin memohon program ini, baki tempoh pengajian mestilah 12 bulan ke atas.

- 11. Apakah bentuk pinjaman pelajaran yang akan saya terima sekiranya permohonan STEP ini berjaya?**

Pinjaman pelajaran di bawah program STEP ini merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup (ESH) dan elaun-elaun lain tertakluk pada syarat tawaran yang ditetapkan (rujuk Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran MARA yang akan dikeluarkan kepada pemohon berjaya).

- 12. Saya pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, iaitu pada tahun 2022 namun tidak menghantar permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya saya berminat untuk memohon STEP pada tahun 2023?**

Pemohon perlu menghapuskan sendiri permohonan STEP tahun 2022 di sistem MyEduloan sebelum pemohon membuat permohonan STEP tahun 2023.



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

13. **Sekiranya saya pernah memohon pinjaman pelajaran MARA yang lain seperti program TESP, GREP atau WTU dan berstatus “Hantar”, apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya berminat untuk memohon STEP?**

Pemohon perlu menghantar e-mel ke alamat; [step@mara.gov.my](mailto:step@mara.gov.my) dengan menyatakan nama dan nombor kad pengenalan bagi membatalkan permohonan terdahulu yang berstatus "hantar" sebelum pemohon membuat permohonan STEP.

14. **Adakah saya boleh mengemukakan dan menghantar permohonan STEP lebih daripada sekali?**

Pemohon tidak dibenarkan membuat permohonan lebih daripada sekali. Pemohon juga perlu memastikan **maklumat diisi dengan lengkap dan betul** sebelum menekan butang “Hantar” kerana **tidak ada pengemaskinian maklumat** boleh dilakukan selepas itu.

15. **Adakah saya perlu menghantar apa-apa dokumen fizikal selepas membuat permohonan secara dalam talian?**

Pemohon hanya perlu mengisi dan melengkapkan permohonan secara dalam talian termasuk memuat naik semua maklumat yang berkaitan. Hanya pemohon yang **berjaya dan menerima tawaran sahaja perlu mencetak dan menghantar dokumen berkaitan** kepada pihak MARA pada tempoh yang akan ditetapkan.



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

16. **Bagaimanakah dokumen sokongan perlu dimuat naik ke dalam sistem semasa saya mengisi permohonan STEP?**

Semua dokumen sokongan perlu dimuat naik satu persatu dan disimpan (save) dalam format **.pdf sahaja**. Format seperti .jpg, .word dan selainnya **tidak dibenarkan** dimuat naik.

17. **Berapakah saiz kapasiti maksimum setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem permohonan STEP?**

Saiz kapasiti setiap dokumen sokongan yang boleh dimuat naik ke dalam sistem adalah **tidak melebihi 10MB**.

18. **Adakah semua dokumen sokongan yang dimuat naik perlu disahkan benar?**

Semua dokumen sokongan tidak perlu disahkan benar **KECUALI surat pengesahan pendapatan** ibu/bapa/penjaga/penjamin/pasangan bagi yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan/surirumah **SAHAJA** yang perlu disahkan benar.

19. **Sekiranya saya telah memuat naik semua dokumen yang berkaitan ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon disarankan supaya ke *history browser* untuk memadam (*delete*) *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih cepat dan terkini. Namun, sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen tersebut, sila tukar *browser* lain (contoh *browser* : Firefox, Mozilla, Edge, Internet Explorer).



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

**20. Bagaimanakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan STEP?**

Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dalam sistem Myeduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon yang berjaya dan menerima surat tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA. Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

**21. Sekiranya semakan saya mendapati status terkini dipaparkan "Berstatus Hantar," adakah saya perlu mendaftar semula?**

Tidak perlu. Pemohon tidak perlu mendaftar semula kerana permohonan tersebut telah berjaya dihantar dan sedang diproses.

**22. Adakah permohonan saya dianggap berjaya sekiranya status di dalam sistem "Pengesahan Lengkap"?**

Setiap permohonan yang berstatus "Pengesahan Lengkap" telah melepasi semakan dokumen dan dalam peringkat kelulusan peruntukan sebelum surat tawaran dapat dikeluarkan.



## SOALAN LAZIM

### ***STPM / STAM EXCELLENCE PROGRAMME (STEP) 2023***

- 23. Bolehkah saya memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada agensi/badan penaja yang lain sekiranya telah memohon pinjaman pelajaran STEP?**

Pemohon bebas untuk memohon biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian pelajaran daripada mana-mana agensi/badan penaja selain MARA. Namun, MARA akan membatalkan tawaran pinjaman pelajaran sekiranya semakan MARA mendapati pada masa yang sama pemohon telah mendapat biasiswa/bantuan kewangan/tajaan pengajian daripada mana-mana agensi/penaja.

- 24. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?**

Permohonan ini terbuka kepada pengajian secara **sepanjang masa** sahaja.

- 25. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dari pukul 09.00 pagi hingga pukul 04.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:

- i. mengenai program, sila e-mel ke : [step@mara.gov.my](mailto:step@mara.gov.my)
- ii. mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke : [ictbpp@mara.gov.my](mailto:ictbpp@mara.gov.my)

**TAMAT**